

04/11/1997

Menteri perlu bincang menjelang WTO

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mahu menteri perdagangan negara anggota Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) mengadakan perbincangan menjelang Mesyuarat Peringkat Menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), di Geneva, tahun depan.

Menurut Perdana Menteri, langkah itu penting berikutan perbincangan menteri perdagangan G-15 menjelang mesyuarat pertama WTO di Singapura tahun lalu memberikan hasil memberangsangkan.

"Saya yakin G-15 boleh memainkan peranan penting dalam perundingan dengan negara-negara maju," katanya ketika berucap merasmikan sidang kemuncak G-15 ketujuh, di sini semalam.

Perbincangan di kalangan menteri perdagangan negara anggota G-15 sebelum mesyuarat WTO di Singapura akhir tahun lalu menghasilkan pendirian bersama negara membangun berhubung beberapa isu.

Malah, WTO terpaksa tunduk kepada pendirian negara membangun yang diwakili G-15 dengan mengubah cadangan mereka untuk mengaitkan klausa sosial dengan perdagangan dunia.

Rundingan peringkat menteri G-15 menjelang mesyuarat WTO di Singapura itu diputuskan dalam sidang kemuncak G-15 keenam di Harare tahun lalu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata sejak mesyuarat pertama di Singapura itu, WTO belum boleh dianggap membawa faedah seperti diharapkan oleh negara-negara membangun.

Negara membangun masih menghadapi ancaman tindakan unilateral, penafian status pembangunan dan hakikatnya, liberalisasi yang sedikit dalam perdagangan tekstil, pakaian dan komoditi.

Mereka juga mungkin terpaksa menghadapi sekatan baru, tindakan antilambakan yang meragukan dan ketidakseimbangan perdagangan perkhidmatan.

Sistem perdagangan yang diimpikan sebelum WTO dan kebanyakannya tidak diketahui oleh negara membangun, kini menjadi halangan dan hanya sedikit simpati ditunjukkan terhadap aduan bahawa ia memburukkan ekonomi negara membangun.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, sebagai perkumpulan ekonomi negara membangun yang merentasi sempadan benua, G-15 mempunyai peranan yang amat penting.

(END)